



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Bahagian Kewangan  
Aras 6 & 7, Blok E12, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

Tel. : 03-8000 8000  
Faks : 03-8884 7679  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.400-5/7/10 ( 16 )  
Tarikh : 1 September 2020

Semua Ketua Bahagian/Unit  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri  
Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus/  
Institut Aminuddin Baki/ Kolej Matrikulasi  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Kementerian Pendidikan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN TERKINI ARAHAN MAJLIS KESELAMATAN  
NEGARA (MKN) BERKAITAN PENGANJURAN MAJLIS/ ACARA  
RASMI KERAJAAN SELARAS DENGAN PENGENALAN *STANDARD  
OPERATING PROCEDURE* (SOP) AM PELAKSANAAN MAJLIS  
KERAJAAN DAN SWASTA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan pengenalan **SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan Dan Swasta, Majlis Keselamatan Negara (MKN)** adalah berkaitan.

2. Sepertimana kita sedia maklum, Kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memberikan kebenaran untuk semua penganjuran majlis oleh pihak Kerajaan atau swasta untuk dilaksanakan mengikut **SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta** yang dikeluarkan pada 16 Jun 2020. Menerusi SOP tersebut, beberapa arahan serta protokol baharu telah diperkenalkan yang secara langsung turut

melibatkan proses tatacara perolehan pakej di Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Merujuk kepada **Minit Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bilangan 60 Tahun 2020 bertarikh 9 Julai 2020** telah memutuskan agar peserta kursus atau latihan Kerajaan dan swasta **dibenarkan berkongsi bilik penginapan.**

4. Sehubungan itu, semua Jabatan / Bahagian di KPM disarankan untuk mematuhi arahan dan protokol yang digariskan dalam SOP Am MKN yang terkini. Walau bagaimanapun bagi mana – mana permohonan pakej yang telah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan sebelum 1 September 2020 yang melibatkan bilik berasingan adalah dikecualikan daripada arahan ini. Arahan ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(RAMZI BIN MANSOR)**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
No. Tel : 03-88847474  
No. Fax : 03-88847679  
E-mail : ramzi@moe.gov.my